

10 JAN 1998

Ling-Ekonomi

EKONOMI CEPAT PULIH JIKA RAKYAT BERJIMAT

KAMPAR, 10 Jan (Bernama) -- Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yakin kegawatan ekonomi negara ketika ini dapat dipulihkan dalam masa yang singkat sekiranya rakyat melaksanakan saranan kerajaan agar berjimat cermat.

Pemulihan ekonomi negara dalam masa enam bulan merupakan sesuatu yang boleh dilakukan dengan berjimat dalam perbelanjaan harian, katanya kepada pemberita selepas melawat kampus Kolej Tunku Abdul Rahman (TAR) cawangan Perak di sini, hari ini.

Beliau yang juga Menteri Pengangkutan berkata demikian ketika diminta mengulas keyakinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kegawatan ekonomi negara dapat dipulihkan sekurang-kurangnya ke tahap sederhana dalam tempoh enam bulan hingga setahun.

Pemotongan gaji kakitangan kerajaan serta pengurangan perbelanjaan sebanyak 20 peratus membuktikan usaha bersungguh kerajaan memulihkan ekonomi negara, katanya.

Langkah berkenaan juga membuktikan keyakinan kerajaan bahawa kedudukan ekonomi negara berada pada tahap yang kukuh, katanya.

Seramai, 235 pelajar tahun pertama mula mengikuti pengajian di kampus berkenaan yang merupakan kampus cawangan kedua yang dibuka 5 Jan lalu selepas cawangan Pulau Pinang.

Dr Ling berkata, yuran pengajian sebanyak RM1,000 setahun bagi pelajar mengikuti kursus di kolej berkenaan dianggap paling murah di negara ini dan pengurusan kolej tidak bercadang menaikkan yuran itu walaupun negara menghadapi masalah ekonomi ketika ini.

Kolej berkenaan juga akan memperluaskan cawangannya ke beberapa negeri lain termasuk di Johor dan Pahang, katanya.

Sehingga ini 13,400 pelajar sedang mengikuti kursus di semua kampus TAR di seluruh negara termasuk di kampus utama di Kuala Lumpur, iaitu peningkatan sebanyak 2,500 berbanding tahun lalu.

Beliau juga berkata, pihaknya turut menerima beberapa cadangan menubuhkan kampus kolej TAR di Sabah dan Sarawak bagi membolehkan pelajar di negeri berkenaan mengikuti pengajian tanpa perlu ke Semenanjung yang memerlukan perbelanjaan tambang yang tinggi.

Turut hadir pada majlis berkenaan termasuk Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng serta beberapa Timbalan Menteri dari kalangan parti MCA. --

BERNAMA

RZS PR